

LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Lampiran Pemberitahuan Produk ini disediakan untuk memberikan maklumat penting mengenai insurans kemalangan diri anda.

Pelanggan lain telah membaca Lampiran Pemberitahuan Produk ini dan mendapati ia bermanfaat; anda juga patut membacanya.



AmAssurance

Liberty General Insurance Berhad
197801007153 (44191-P)

Tarikh: 12/2025

1 Apakah Keperluan Peribadi – Perlindungan untuk Wanita?

Keperluan Peribadi - Perlindungan untuk Wanita direka khas untuk wanita sahaja. Produk ini akan membayar pampasan kepada anda bagi kecederaan tubuh badan yang disebabkan oleh kemalangan yang berlaku secara bebas daripada sebarang sebab lain menyebabkan anda hilang upaya kekal dan putus anggota badan atau atau sekiranya berlaku kematian kepada waris anda yang namakan atau wakil anda yang sah.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, dengan pembayaran **RM193.60** setahun (termasuk cukai perkhidmatan dan duti setem), anda akan menerima **perlindungan Pelan Silver*** berikut:

Andaian premium: Jumlah Diinsuranskan RM100,000, pekerja pejabat, kelas 1 dan berumur 30 tahun.

Polisi ini **melindungi**:

No.	Faedah-Faedah	Gaya Hidup A (RM)		Gaya Hidup B (RM)		Gaya Hidup C (RM)		Gaya Hidup D (RM)	
		Silver*	Gold	Silver*	Gold	Silver*	Gold	Silver*	Gold
1	Kematian Akibat Kemalangan	100,000	200,000	100,000	200,000	100,000	200,000	100,000	200,000
	Pembiayaan Pengebumian	3,000	3,000	3,000	3,000	3,000	3,000	3,000	3,000
	Kehilangan Upaya Kekal dan Kehilangan Anggota Badan	100,000	200,000	100,000	200,000	100,000	200,000	100,000	200,000
2	Surgeri Muka dan Pergigian	5,000	10,000	5,000	10,000	5,000	10,000	5,000	10,000
	Ragut/Pengeluaran Tunai di ATM	750	1,500	750	1,500	750	1,500	750	1,500
	Faedah Hospital - Pendapatan Kemasukan Hospital	100	200	100	200	100	200	100	200
	- Elaun Penyembuhan	1,000	2,000	1,000	2,000	1,000	2,000	1,000	2,000
3	Khidmat Negara	5,000	8,000	-	-	-	-	-	-
	Sukan/Pengembaraan	5,000	8,000	-	-	-	-	-	-
	Jagaan Kanak-kanak	-	-	5,000	8,000	-	-	-	-
	Khidmat Pembantu Rumah	-	-	5,000	8,000	5,000	8,000	-	-
	Cuti Pemulihan	-	-	-	-	5,000	8,000	-	-
	Alat Perubatan	-	-	-	-	-	-	5,000	8,000
	Jagaan Kejururawatan	-	-	-	-	-	-	5,000	8,000
Faedah Hidup (No. 2+3)		50,000	100,000	50,000	100,000	50,000	100,000	50,000	100,000
Perkhidmatan Bantuan Kerosakan Kenderaan dan Perkhidmatan Tunda di dalam Malaysia (Setiap Kejadian) termasuk Caj Tol Tanpa Had		Sehingga 450km perjalanan ulang-alik bagi kenderaan yang dinamakan dalam jadual polisi							
Premium Tahunan (RM) (sebelum cukai perkhidmatan dan duti setem)		170				320			

Tempoh perlindungan adalah 12 bulan. Anda perlu memperbaharui polisi anda setiap tahun.

Liberty General Insurance Berhad adalah ahli PIDM. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Liberty General Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan perlindungan insurans anda, anda boleh:



Hubungi kami di
1 800 88 6333



Layari kami di
www.amassurance.com.my



Emel kami di
customer@amassurance.com.my



Imbas kod
QR di atas

Polisi ini **tidak melindungi**:

- Risiko perang dan berkaitan;
- Bunuh diri (sama ada siuman atau tidak siuman) atau sebarang percubaan sedemikian;
- AIDS;
- Menjadi krew semasa dalam perjalanan di dalam pesawat atau kapal;
- Perbuatan jenayah;
- Sebarang aktiviti sukan profesional;
- Kemalangan radioaktif dan kemasalahan bahan senjata nuklear;
- Ketika melibatkan diri di dalam pergaduhan;
- Keganasan;
- Kecacatan atau kelemahan fizikal, sebarang jenis sawan, sakit, atau penyakit yang sedia ada;
- Ketika melakukan tugas aktif untuk mana-mana yang berikut: Pelumba, ahli sukan profesional, pekerja luar pesisir, pelaut, pembalak, anak kapal, nelayan, joki lumba kuda, penghibur profesional, pembuat/pengendali bahan letupan, kelasi, juruterbang dan pemandu ujian, pemungkah, penyelam profesional, ahli bomba, pekerja bawah tanah, ahli pasukan bersenjata, perkhidmatan atau operasi tentera laut atau udara, pasukan polis dan khidmat menyelamat.

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk insurans Keperluan Peribadi – Perlindungan untuk Wanita Pelan Silver ini, anda mesti membayar premium berikut:	
Perlindungan Asas	RM170.00 (setiap tahun)
(+) Perlindungan Tambahan	Tidak berkenaan
Premium Kasar	RM170.00
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
(+) 8% Cukai Perkhidmatan	RM13.60
(+) Duti setem	RM10.00
Jumlah Premium Perlu Dibayar	RM193.60
Dimana ini termasuk:	
Komisen	10% daripada Premium Kasar atau RM17.00

Sila ambil perhatian bahawa kadar Cukai Perkhidmatan adalah tertakluk kepada kadar semasa yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia.

4 Maklumat Penting Lain

- Anda mesti memberikan maklumat lengkap dan tepat di dalam borang permohonan.
- Anda mesti mendedahkan semua fakta material seperti pekerjaan dan kegiatan peribadi anda.
- Kegagalan untuk mematuhi mana-mana syarat polisi akan membatalkan semua tuntutan.
- Kami berhak untuk memeriksa orang yang diinsuranskan semasa tuntutan dan sekiranya berlaku kematian, untuk melakukan bedah siasat di mana tidak dilarang di sisi undang-undang.
- Sekiranya berlaku kemasalahan, anda mesti memaklumkan kami dengan butir-butir penuh kemasalahan / kecederaan dalam tempoh empat belas (14) hari selepas kemasalahan tersebut berlaku.
- Tunai Sebelum Perlindungan - Adalah menjadi syarat asas dan khas mutlak kontrak insurans ini bahawa premium yang patut dibayar mestilah dibayar dan diterima oleh Kami sebelum perlindungan bermula. Jika syarat ini tidak dipatuhi, maka polisi insurans ini adalah secara automatik batal dan tidak sah.
- Kelayakan:-
 - i) 16 tahun hingga 65 tahun, diperbaharui sehingga 70 tahun.
 - ii) Pihak Diinsuranskan yang berumur 16 tahun dan ke atas tetapi di bawah umur 18 tahun mesti mendapatkan kebenaran ibu bapa/penjaga sebelum membeli Polisi insurans ini.
- Anda dinasihatkan untuk menamakan seseorang penama dan memastikan bahawa penama itu tahu mengenai polisi yang telah anda beli.

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Anda digalakkan untuk merujuk polisi untuk senarai penuh terma dan syarat

? Bolehkah saya batalkan polisi saya?

- Ya. Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Setelah pembatalan, anda layak untuk menerima sebahagian bayaran balik premium (jika berkenaan).
- Tiada bayaran balik premium jika premium minima dibayar atau tuntutan telah dibuat pada polisi.
- Untuk butiran penuh bayaran balik pembatalan, sila rujuk kepada kontrak polisi.